



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012**

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA: FALSAFAH DAN DASAR</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>BBD 18002</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>:</b>	<b>SARJANA MUDA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH (DENGAN KEPUJIAN )</b>
<b>TARIKH PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>JUN 2012</b>
<b>JANGKA MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>
<b>ARAHAN</b>	<b>:</b>	<b>JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR. HANTAR JAWAPAN BERSAMA-SAMA KERTAS SOALAN INI.</b>

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT**

- 1 Pendidikan di Malaysia mengalami pelbagai perubahan daripada era sebelum merdeka hinggalah ke masa sekarang adalah bertujuan untuk
- A memertabatkan sistem pendidikan negara.
  - B membudayakan pembelajaran ilmu sains dan teknologi.
  - C memperbanyakkan bilangan sekolah untuk menampung pertumbuhan murid-murid.
  - D melaksanakan Penyata Razak.
- 2 Sistem Pendidikan masyarakat tradisional adalah sistem pendidikan Malaysia dalam tempoh berikut,
- A sebelum tahun 1786
  - B sebelum tahun 1400
  - C sebelum tahun 1350
  - D sebelum tahun 1300
- 3 Silibus pendidikan masyarakat tradisional Malaysia diambil daripada
- A Al-Quran
  - B Al-Tauhid
  - C Rukun Islam dalam Al-Quran
  - D Rukun Iman
- 4 Sistem pendidikan di Malaysia era penjajahan bermula daripada
- A penaklukan Belanda ke atas Melaka dalam tahun 1511.
  - B penaklukan British ke atas Singapura dalam tahun 1856.
  - C penubuhan sekolah vernikular Melayu di Singapura dalam tahun 1856.
  - D penubuhan sekolah Inggeris di Pulau Pinang oleh Francis Light tahun 1856.
- 5 Antara mata pelajaran yang diajar dalam sistem pendidikan masyarakat tradisional ialah
- i tulisan rumi.
  - ii tulisan jawi.
  - iii perkataan Arab.
  - iv doa.
- A ii sahaja
  - B i dan ii sahaja
  - C ii dan iii sahaja
  - D ii, iii dan iv sahaja

- 6 Gerak kerja murid pada era sistem pendidikan masyarakat tradisional yang ada persamaan dengan kegiatan kokurikulum murid dalam sistem pendidikan masa kini ialah
- A menjalani aktiviti perkhemahan.
  - B menolong guru bekerja di kebun atau sawah.
  - C mengambil bahagian dalam sukan.
  - D menandatangani persatuan beruniform.
- 7 Sistem yang manakah mempengaruhi pembentukan sistem pendidikan masyarakat tradisional Malaysia ?
- I Sistem politik.
  - II Sistem ekonomi.
  - III Sistem sosial.
  - IV Sistem pemerintahan.
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C I,II,III dan IV sahaja.
  - D II, III dan IV sahaja.
- 8 Negeri yang memperkenalkan sekolah pondok ialah
- i Kelantan.
  - ii Terengganu.
  - iii Pahang.
  - iv Kedah.
- A i, dan ii sahaja.
  - B ii, iii dan iv sahaja.
  - C i, ii dan iv sahaja.
  - D i, ii, iii dan iv.
- 9 Yang manakah paling jelas membezakan Sistem pendidikan Madrasah `berbeza dengan sistem pendidikan Pondok
- A Diperkenalkan di negeri-negeri yang ada Sistem Pendidikan Pondok.
  - B Diperkenalkan oleh alim ulama kaum muda.
  - C Menggunakan sukatan pelajaran bersifat keduniaan.
  - D Institusi pendidikan berasrama.
- 10 Sistem pendidikan era tradisional cuba dikekalkan oleh pemerintahan Inggeris pada awal penjajahan Tanah Melayu adalah kerana
- A Orang-orang Melayu tidak boleh berbahasa Inggeris dan orang Inggeris boleh berbahasa Melayu.
  - B Penduduk Tanah Melayu mengutamakan kehidupan di akhirat.
  - C Sistem pendidikan era tradisional mampu melahirkan individu berkerjaya.
  - D Kedatangan Inggeris bertujuan merebut kekayaan yang ada di Tanah Melayu.

- 11 Perbezaan utama di antara silibus pelajaran Sekolah Vernikular Melayu yang diperkenalkan oleh Inggeris dengan sistem pendidikan era tradisional di Tanah Melayu ialah
- A Tidak mengandungi ilmu kemahiran bekerja.
  - B Tidak mengandungi nilai budaya hidup Melayu.
  - C Tidak mengandungi ilmu keagamaan.
  - D Tidak mengandungi ilmu kokurikulum.
- 12 Usaha pemerintah Inggeris untuk menarik orang-orang Melayu mengikuti sekolah Vernikular Melayu ialah
- i Pendidikan diberi percuma.
  - ii Memasukkan pelajaran AlQuran.
  - iii Menyediakan guru yang mempunyai kelayakan.
  - iv Masa belajar dua jam sehari.
- A i dan ii sahaja.
  - B ii dan iii sahaja.
  - C iii dan iv sahaja.
  - D i, ii dan iii sahaja.
- 13 Di negeri manakah letaknya sekolah Venikular Melayu yang pertama pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu
- A Melaka
  - B Johor
  - C Singapura
  - D Pulau Pinang
14. Dalam abad ke 19 mata pelajaran yang diajar di Sekolah Vernikular Melayu kecuali
- A Ilmu Hisab.
  - B Anyaman.
  - C Ejaan.
  - D Ilmu Alam
- 15 Awal abad ke 20 mata pelajaran yang diajar di Sekolah Vernikular Melayu ialah
- i menulis.
  - ii membaca.
  - iii mengira.
  - iv perkebunan
- A i dan iv sahaja
  - B i, ii, dan iii sahaja
  - C ii, iii dan iv sahaja
  - D i, ii, iii dan iv

- 16 Darjah tertinggi Sekolah Vernikular Melayu ialah
- A Darjah Tiga.
  - B Darjah Empat.
  - C Darjah Lima.
  - D Darjah Enam.
- 17 Orang Cina datang ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-15 tetapi tidak menubuhkan sekolah Cina hingga tahun 1900 kerana
- A Bilangan mereka tidak ramai dan tidak berniat untuk menetap di Tanah Melayu.
  - B Ibu bapa orang Cina lebih yakin mengajar anaknya sendiri.
  - C Sukatan pelajaran tidak dibawa dari negeri Cina.
  - D Orang Cina mengikuti sistem pendidikan orang Melayu.
- 18 Siapakah yang menubuhkan Sekolah Vernikular Cina pertama di Melaka pada tahun 1511?
- A Pendatang dari negeri Cina.
  - B Orang Portugis.
  - C Persatuan Mubaligh Kristian London.
  - D Orang Belanda.
- 19 Yang manakah antara berikut mempengaruhi perkembangan awal Sekolah Vernikular Cina di Tanah Melayu?
- A Tanah Melayu belum ada sekolah vernikular Cina seperti di negara-negara lain.
  - B Dasar pendidikan penjajah British yang menggalakkan Orang Cina membuka sekolah sendiri.
  - C Kang You Wei dan Liang Qi Chan melarikan diri ke Tanah Melayu dari negara Cina dan menggalakkan orang Cina di Tanah Melayu mendirikan sekolah Cina.
  - D Pemerintahan Tanah Melayu ingin mempelbagaikan sistem pendidikan di Tanah Melayu.
- 20 Yang manakah antara berikut berupa Sekolah Vernikular Tamil yang pertama di Tanah Melayu dalam tahun 1850?
- A Mengajar mata pelajaran bahasa Tamil dan bahasa Inggeris
  - B Mengajar mata pelajaran bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
  - C Mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris dan perdagangan
  - D Mengajar mata pelajaran bahasa Tamil, bahasa Inggeris, dan matematik.

21

Apakah premis Suruhanjaya Barnes yang mencadangkan hanya ada satu jenis sekolah dan satu bahasa sahaja?

- A Sekolah Melayu sahaja di bawah tanggungjawab British.
- B Hanya sekolah Melayu sahaja yang ada ketika itu .
- C Tidak banyak maklumat untuk membuat pertimbangan lain.
- D Desakan orang Melayu ketika itu.

22

Mengapakah Suruhanjaya Fenn-Wu tidak mempertimbangkan bantahan orang Cina dan orang India mengenai cadangan Barnes?

- A Suruhanjaya ini dibiayai oleh British walaupun ada suntikan seorang professor Cina.
- B Suruhanjaya ini mengesahkan bahawa sekolah Melayu sahaja yang ada dalam rekod British ketika itu.
- C Cadangan Barnes sangat kukuh dan tidak boleh digugat.
- D Orang British lebih banyak memihak kepada orang Melayu kerana sejarah mereka di Malaysia adalah kerana orang Melayu.

23

Suruhanjaya Razak bersetuju dengan cadangan Barnes tetapi membuat sedikit perubahan. Nyatakan perubahan tersebut.

- A Umur mula bersekolah ialah tujuh tahun.
- B Kerajaan membuka peluang kepada penubuhan sekolah Cina dan sekolah Tamil.
- C Bersetuju dengan cadangan Barnes tetapi melaksanakannya beransur-ansur.
- D British ingin menyegerakan penubuhan satu jenis sekolah sedangkan Suruhanjaya Razak menangguhkannya.

24

Pernyataan berikut menunjukkan pihak British tidak campur tangan dalam pendidikan venakular.

- A Agama adalah hak setiap orang yang tinggal di Tanah Melayu.
- B Pendidikan bukan agenda penting kepada orang British. Mereka lebih menumpukan kepada agenda ekonomi.
- C British cuci tangan dalam hal ini.
- D Keadaan itu memberi peluang kepada British untuk mengekalkan dasar pecah dan perintahnya.

25

Mengapakah perpaduan sangat dititikberatkan dalam sistem pendidikan di Malaysia?

- A Persekitaran dan lanskap sosio-politik Malaysia melibatkan berbagai-bagai kumpulan etnik yang berlainan budaya dan agama.
- B Perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan di Malaysia kerana kepelbagaian penduduknya.
- C Pengalaman 13 Mei 1969 menjadi penanda aras bahawa perbezaan antara kaum tidak boleh diabaikan begitu sahaja.
- D Ekonomi Malaysia bergantung kepada pengekal perpaduan penduduknya.

- 26 Selepas merdeka sekolah menengah kebangsaan diwujudkan. Mengapa?
- A Melaksanakan cadangan Suruhanjaya Barnes bahawa bahasa Melayu adalah media tunggal di sekolah.
  - B Mengesahkan bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan.
  - C Memberi peluang kepada anak-anak Melayu mendapat pendidikan menengah.
  - D Kerana kontrak sosial yang dipersetujui oleh semua penduduk Tanah Melayu ketika itu.
- 27 Sebelum merdeka pendidikan formal berkisar kepada sekolah pondok. Kenapa?
- A Golongan bijak pandai adalah mereka yang berpendidikan agama.
  - B Tidak ada kerajaan tunggal yang memerintah Tanah Melayu atau di Sabah dan Sarawak.
  - C Tanah Melayu pada masa itu penduduknya yang dominan ialah orang Melayu dan mereka kuat berpegang kepada agama Islam.
  - D Tidak ada pengaruh penjajah kerana British belum lagi bertapak kuat di Tanah Melayu..
- 28 Sumber utama kurikulum sistem pendidikan era masyarakat tradisional Tanah Melayu ialah
- A. Bahan pendidikan dari Negara Cina.
  - B. Bahan pendidikan dari Al-Quran.
  - C. Bahan pendidikan dari England.
  - D. Bahan pendidikan dari ulama.
- 29 Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan masyarakat tradisional Tanah Melayu dilihat melalui
- A. Praktis.
  - B. Hafazan.
  - C. Mengajar pelajar lain.
  - D. Pencapaian dalam ujian.
- 30 Sistem pendidikan masyarakat tradisional Tanah Melayu berkait rapat dengan
- A. penjajah.
  - B. imam yang datang dari Mesir.
  - C. gaya hidup pemimpin tempatan.
  - D. sistem politik, ekonomi dan sosial pada masa itu.
- 31 Sekolah Pondok adalah
- A. Sekolah untuk orang dewasa
  - B Nama khas institusi pendidikan
  - B Tempat melatih murid menghafaz doa
  - D Tempat melatih murid menulis dan mengeja tulisan jawi

- 32 Laporan Razak (Penyata Razak) mempunyai ..... cadangan dengan mengambilkira matlamat akhirnya membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan.
- A 15.
  - B 16.
  - C 17.
  - D 18.
- 33 Laporan Razak boleh dianggap sebagai batu asas bagi perkembangan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Ciri-ciri penting dalam pendidikan kebangsaan ini ialah:
- i Hasrat untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan bagi semua kaum..
  - ii Untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.
  - iii Untuk menjadi kurikulum yang berorientasikan kepada alam keliling tanah air. dengan mewujudkan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya.
  - iv Untuk memperkukuhkan sistem pendidikan kebangsaan bagi semua pelajar di negara ini.
- A. i dan ii sahaja.
  - B. i, ii dan iii sahaja.
  - C. ii, iii dan iv sahaja.
  - D. i, ii, iii dan iv
- 34 Madrasah adalah
- A institusi pendidikan yang mengajar ilmu agama.
  - B institusi pendidikan yang diilhamkan oleh penjajah Inggeris.
  - C institusi pendidikan yang diperkenalkan oleh ulama kaum muda.
  - D institusi pendidikan yang diperkenalkan oleh ulama dai timur tengah.
- 35 Sistem pendidikan sebelum perang dunia kedua bermula apabila
- A sekolah vernakular diperkenalkan.
  - B Inggeris datang ke Tanah Melayu.
  - C sekolah Pondok diperkenalkan di Kedah,dan Kelantan.
  - D Inggeris memasukkan bahan pengajaran bersifat duniawi dalam sistem pendidikan tradisional.
- 36 Sekolah Jenis Kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris, Cina dan Tamil merupakan cadangan daripada
- A Laporan Razak 1956.
  - B Laporan Rahman Talib 1961.
  - C Laporan Hussein Onn 1972.
  - D Laporan Mahathir Mohamed 1985.



- 37 Sekolah vernakular Melayu yang awal ditubuhkan dalam tahun 1856 di
- A Johor Bharu dan Batu Pahat, Johor.
  - B Kampung Melayu, Johor Bharu, Johor.
  - C Kampung Gelam dan Teluk Belanga, Singapura.
  - D Kampung Melayu, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
- 38 Apakah premis Suruhanjaya Barnes yang mencadangkan hanya ada satu jenis sekolah dan satu bahasa sahaja?
- A Desakan orang Melayu ketika itu.
  - B Hanya sekolah Melayu sahaja yang ada ketika itu.
  - C Tidak banyak maklumat untuk membuat pertimbangan lain.
  - D Sekolah Melayu sahaja di bawah tanggungjawab British.
- 39 Mengapakah Suruhanjaya Fenn-Wu tidak mempertimbangkan bantahan orang Cina dan orang India mengenai cadangan Barnes?
- A Cadangan Barnes sangat kukuh dan tidak boleh digugat.
  - B Suruhanjaya ini dibiayai oleh British walaupun ada suntikan seorang professor Cina.
  - C Suruhanjaya ini mengesahkan bahawa sekolah Melayu sahaja yang ada dalam rekod British ketika itu.
  - D Orang British lebih banyak memihak kepada orang Melayu kerana sejarah mereka di Malaysia adalah kerana orang Melayu.
- 40 Sekolah vernakular Tamil adalah sekolah persendirian yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada pemerintahan British, tetapi diberi bantuan kewangan oleh kerajaan British. Mengapa ?
- A Sebagai tarikan buruh dari India bekerja di ladang getah di Tanah Melayu.
  - B Supaya orang Melayu bekerjasama dengan orang India dalam bidang pendidikan.
  - C Supaya Persatuan Mubaligh Kristian membanyakkan lagi bilangan sekolah vernakular Tamil.
  - D Untuk menseimbangkan bilangan sekolah vernakular Cina dengan bilangan sekolah vernakular Tamil.
- 41 Dasar pemerintahan Inggeris memberi pendidikan khusus untuk anak-anak Melayu sejak tahun 1905 diterjemahkan dalam bentuk
- A Penubuhan Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur.
  - B Penubuhan Malay College di Kuala Kangsar Perak.
  - C Penubuhan Victoria Institution di Kuala Lumpur.
  - D Penubuhan Raffles College di Singapura.

- 42 Penyataan berikut adalah penyataan Laporan Rahman Talib 1961
- i Pelajaran di sekolah rendah adalah percuma.
  - ii Sekolah rendah menjadi sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan.
  - iii Sekolah pelajaran lanjutan merupakan persekolahan hingga umur 15 tahun.
  - iv Murid naik darjah secara automatik
- A i dan ii sahaja.
  - B i, ii dan iii sahaja.
  - C ii, iii dan iv sahaja.
  - D i, ii, iii dan iv
- 43 Selepas merdeka sekolah menengah kebangsaan diwujudkan. Mengapa?
- A Melaksanakan cadangan Suruhanjaya Barnes bahawa bahasa Melayu adalah media tunggal di sekolah.
  - B Mengesahkan bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan.
  - C Memberi peluang kepada anak-anak Melayu mendapat pendidikan menengah.
  - D Kontrak sosial yang dipersetujui oleh semua penduduk Tanah Melayu ketika itu.
- 44 Special Malay Class diperkenalkan oleh Inggeris bertujuan untuk
- A memberi peluang lebih ramai anak-anak orang Melayu mengikuti pendidikan di sekolah Inggeris.
  - B membantu murid-murid Melayu meningkatkan penguasaan ilmu sains dan matematik.
  - C menyediakan kemahiran bekerja dalam sistem persekolahan Melayu.
  - D menambah bilangan pegawai kerajaan.
- 45 Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengawal pelaksanaan sistem pendidikan kerana ianya
- A bertepatan dengan kehendak negara.
  - B menjurus kepada pencapaian Wawasan 2020.
  - C menjadi kerangka kepada hasrat pembinaan negara.
  - D segala sumbernya fokus untk mencapai cita-cita negara.
- 46 Falsafah Pendidikan Kebangsaan bersandarkan kepada
- A Falsafah Barat dan Falsafah Yunani.
  - B Falsafah Barat dan Falsafah Timur.
  - C Falsafah Islam dan Falsafah Timur.
  - D Falsafah Barat dan Falsafah Islam.

- 47 Mengapakah aspek jasmani selalunya digandingkan dengan aspek intelek?
- A Kesihatan adalah aspek penting dalam kehidupan seorang kanak-kanak.
  - B Adalah dipercayai bahawa otak yang sihat datangnya dari tubuh badan yang sihat.
  - C Ianya kaedah untuk membetulkan konsep kesihatan yang perlu diterapkan kepada pelajar-pelajar.
  - D Hanya kesihatan yang sempurna sahaja membenarkan intelek berkembang dengan jayanya.
- 48 Kemahiran insaniah dititikberatkan dalam sistem pendidikan sekarang. Pada pendapat anda apakah sebenarnya matlamat yang ingin dicapai?
- A Semua orang diperlukan bijak berhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.
  - B Kemahiran berkomunikasi dan keterampilan diri menjadi kunci kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan seseorang.
  - C Supaya mudah berkomunikasi dan bergaul.
  - D Untuk mencapai perpaduan antara kaum.
- 49 Apakah yang dimaksudkan dengan kecerdasan emosi (EQ)?
- A Kebijaksanaan membina kawalan emosi.
  - B Keupayaan mengawal emosi dari sebarang reaksi negatif.
  - C Bertenang dalam semua keadaan.
  - D Berjaya mencapai kestabilan dalam menjaga emosi.
- 50 Mata pelajaran lukisan, kesusasteraan dan senia adalah untuk membina dalaman pelajar. Pernyataan yang manakah yang berkaitan dengan hasrat tersebut?
- A Seni adalah panduan membina manusia yang kreatif dan inovatif.
  - B Semua mata pelajaran tersebut membantu membina nilai-nilai estetika.
  - C Kerjaya seseorang akan berkembang jika ada kemahiran estetika.
  - D Masyarakat yang menyanjung senia dikatakan lebih berjaya.
- 51 Warga negara yang dididik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dihasratkan menjadi orang-orang yang mampu
- A melepasi tahap minum untuk menjadi warganegara yang berguna.
  - B melestarikan kesejahteraan dirinya dan persekitarannya.
  - C membina negaranya supaya bertamadun seperti negara maju.
  - D menjadi manusia berguna dalam berbagai rupa.
- 52 Guru mestilah mempertahankan profesionnya kerana sebab-sebab yang berkaitan dengan tanggungjawabnya. Manakah antara yang berikut menerangkan keadaan itu?
- A Guru mestilah beretika semasa mengajar di kelas.
  - B Tanggungjawab guru hendaklah diperluaskan kepada masyarakat di sekelilingnya.
  - C Tugas guru sekarang jauh lebih sukar berbanding guru-guru sebelum merdeka.
  - D Guru mestilah menyedari akauntibiliti dirinya, kepada masyarakat dan agamanya.

- 53 Banyak tugas guru yang menuntut pengorbanan besar. Yang paling besar mungkin kerana guru adalah:
- A Sebagai agen perubahan guru diharapkan melaksanakan harapan masyarakat.
  - B Tingkah laku guru menjadi ikutan pelajar-pelajarnya.
  - C Guru adalah ganti ibu bapa. Pelajar mengharapkan guru memiliki sifat-sifat ibu bapa.
  - D Mengajar dan belajar hendaklah dilakukan serentak demi profesionnya.
- 54 Kenapakah guru diperlukan supaya mempamerkan tingkah laku yang terbaik semasa bertugas :
- A Tugas mereka memerlukan perilaku yang terbaik semasa di hadapan pelajar-pelajarnya.
  - B Tugas guru menerapkan apa sahaja yang positif dalam perkembangan pendidikan pelajar-pelajarnya.
  - C Guru perlukan latihan dan peningkatan profesionalisme dar masa ke masa.
  - D Impak seorang guru adalah besar terhadap psikologi pelajar-pelajarnya.
- 55 Guru hendaklah memberi iktibar terbaik kepada pelajar-pelajarnya kerana sebab yang berikut :
- A Mereka yang bijak dapat menilai keupayaan guru.
  - B Guru adalah cermin masyarakat.
  - C Profesion keguruan adalah sangat mulia.
  - D Menjadi guru merupakan khidmat masyarakat yang mengujakan.
- 56 Setakat manakah sekolah berasrama penuh memenuhi aspirasi merapatkan jurang antara kaum?
- A Bijak pandai yang dilahirkan akan dapat bersaing dengan sihat apabila mereka dewasa nanti.
  - B Pelajar dari berbagai pelosok negara dapat berhimpun dengan hasrat untuk menjadi bijak pandai.
  - C Hidup di asrama mendidik pelajar untuk belajar berkongsi ruang.
  - D Asrama merealisasikan hasrat membina bangsa Malaysia yang bertoleransi.
- 57 Antara program pengantarabangsaan pendidikan ialah melalui:
- i Program pertukaran pelajar.
  - ii Meramaikan lagi pelajar asing di Malaysia.
  - iii Latihan dan pendidikan di luar negara.
  - iv membenarkan penubuhan institusi pendidikan dari luar negara.
- A i, ii, iii dan iv.
  - B i dan ii sahaja.
  - C i, ii dan iii sahaja.
  - D iii dan iv sahaja.

- 58 Mengapakah agenda perpaduan menjadi penting dalam sistem pendidikan?
- A Menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum supaya hidup dengan harmoni.
  - B Ekonomi hendaklah dikongsi bersama supaya kemakmuran negara dinikmati bersama.
  - C Menjadi kaedah untuk menanamkan semangat cintakan negara.
  - D Kesejahteraan dan kebajikan rakyat adalah keutamaan kerajaan.
- 59 Apakah implikasi kebergantungan negara kepada pekerja asing?
- A Dalam jangka panjang negara tidak berkembang berdasarkan intensif modal tetapi lebih kepada intensif buruh.
  - B Jika tidak dikawalselia dengan betul, pertembungan budaya tidak akan membantu ke arah perpaduan kaum.
  - C Ekonomi akan menyusut kerana ketirisan dan kebocoran yang disebabkan penyaluran wang ke luar negara.
  - D Malaysia menikmati tenaga buruh yang murah.
- 60 Dalam usaha memperkasakan pendidikan dalam jangka panjang unsur-unsur berikut perlu diambilkira:
- i Perkembangan teknologi.
  - ii Penerokaan angkasa lepas.
  - iii Mencari pasaran baru bagi barangan Malaysia.
  - iv Memperkembangkan industri makanan.
- A iii dan iv sahaja.
  - B i, ii, iii dan iv.
  - C ii, iii dan iv sahaja.
  - D i, iii dan iv sahaja.
- 61 Sijil terbuka banyak kebaikannya. Pada pendapat anda manakah antara yang berikut menggambarkan kebaikan itu?
- i Mengurangkan bebanan fizikal kepada pelajar-pelajar.
  - ii Tumpuan diberikan kepada kelebihan yang ada kepada setiap pelajar.
  - iii Kecemerlangan dalam matapelajaran tertentu adalah lebih baik dari menguasai banyak matapelajaran.
  - iv Secara psikologi pelajar berasa kurang tekanan.
- A i, ii, iii dan iv.
  - B ii dan iii sahaja.
  - C ii dan iv sahaja.
  - D ii, iii dan iv sahaja.

- 62 Mulai tahun 2011 pendidikan prasekolah diberi tumpuan khas. Mengapakah berlaku tindakan ini?
- A Pendidikan adalah komponen penting dalam sistem pendidikan negara.
  - B Evolusi pendidikan memerlukan supaya kanak-kanak didedahkan kepada sains dan teknologi sejak dari peringkat awal lagi.
  - C Lanskap pendidikan telah berubah hasil dari perubahan lanskap keluarga yang semakin terpelajar.
  - D Pendidikan prasekolah adalah suatu industri pendidikan yang baru.
- 63 Institut Pengajian Tinggi fokus kepada pendidikan bertaraf dunia. Apakah kebaikan membuka pendidikan kepada pelajar luar negara?
- A Menjalinkan hubungan antarabangsa yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi.
  - B Pendidikan menjadi suatu eksport utama negara pada masa hadapan.
  - C Idea bernas berkeupayaan dijana dari pelajar-pelajar antarabangsa.
  - D Akan berlaku pertukaran budaya yang positif antara penduduk tempatan dengan pelajar asing.
- 64 Mengapakah kurikulum pendidikan seharusnya bersandarkan kehendak industri?
- A Industri yang membiayai sistem pendidikan.
  - B Industri yang menentukan terdapatnya peluang pekerjaan kepada lulusan sistem persekolahan.
  - C Tokoh-tokoh industri adalah juga pakar pendidikan.
  - D Lulusan sekolah akan kembali kepada masyarakat untuk menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi.
- 65 Beri sebab yang memerlukan bahawa kurikulum pendidikan mesti diubahsuai dari masa ke semasa.
- A Pelajar mudah jemu dengan kurikulum yang sedia ada.
  - B Perubahan teknologi menyebabkan kurikulum perlu diubah.
  - C Sudah sampai masanya diubahsuai.
  - D Supaya kurikulum itu sentiasa segar kepada pelajar.
- 66 Kurikulum pendidikan di Malaysia mengandungi unsur-unsur yang berikut :
- i Usaha ke arah perpaduan nasional.
  - ii Merapatkan jurang perbezaan kaum.
  - iii Pendemokrasian pendidikan.
  - iv Membina jatidiri masyarakat muda Malaysia.
- A i, ii dan iii sahaja.
  - B ii, iii dan iv sahaja.
  - C i, ii dan iv sahaja.
  - D i, iii dan iv sahaja.

- 67 Falsafah idealisme diterapkan dalam kurikulum pendidikan khususnya :
- A Matematik dan Sains.
  - B Pendidikan Islam dan Moral.
  - C Sejarah dan Geografi.
  - D Lukisan dan Drama.
- 68 Antara etika penting dalam kalangan guru ialah:
- i Menjaga imej diri dan rakan guru.
  - ii Tidak mengambil kesempatan dengan menyalahgunakan peluang-peluang untuk kepentingan diri sendiri.
  - iii Sentiasa mempamerkan yang terbaik sebagai professional yang terlatih.
  - iv Merealisasikan semangat kasih sayang dan rasa dihargai.
- A i dan ii sahaja.
  - B ii dan iii sahaja.
  - C ii, iii dan iv sahaja.
  - D i, ii, iii dan iv sahaja
- 69 Yang manakah antara yang berikut memberi kepuasan kepada guru?
- i Guru adalah agen masyarakat. Tugas utama mereka mengajar semata-mata.
  - ii Pendapatan yang sepadan dengan tugas mereka.
  - iii Peluang untuk naik pangkat.
  - iv Autonomi untuk membuat keputusan yang terbaik bagi pelajar-pelajarnya.
- A i, ii dan iii sahaja.
  - B iii dan iv sahaja.
  - C i, iii dan iv sahaja.
  - D ii, iii dan iv sahaja.
- 70 Akta Pendidikan 1996 digubal berdasarkan semangat
- A suasana politik negara.
  - B untuk membina negara bangsa.
  - C Wawasan 2020.
  - D falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- 71 Akta Pendidikan 1996 menjadi titik mula
- i Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Swasta.
  - ii IPT asing boleh menubuhkan cawangannya di Malaysia.
  - iii banyak dimulakan program berkembar.
  - iv semakin ramai pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di luar negara.
- A ii, iii dan iv sahaja.
  - B i, iii dan iv sahaja.
  - C i, ii dan iii sahaja.
  - D iv sahaja.

- 72.. Kualiti pendidikan swasta dicadangkan oleh Akta Pendidikan 1996 dikawal melalui
- A Lembaga Akauntabiliti Negara.
  - B Lembaga Akademik Nasional.
  - C Lembaga Akreditasi Negara.
  - D Lembaga Akademik Negara.
- 73 Apakah manfaat yang dapat dinikmati melalui program pengantarabangsaan sistem pendidikan di Malaysia?
- A Meramaikan lagi warga asing ke Malaysia. Mereka membawa masuk wang dengan banyak.
  - B Banyak penyelidikan yang akan membantu menjana sumber ekonom baru.
  - C Membantu negara memainkan peranan untuk meramaikan rakan pasaran baru bagi produk buatan tempatan.
  - D Sistem pendidikan akan semakin mantap.
- 74 Mengapakah Bahasa Inggeris diperkasakan di institusi pendidikan?
- A Untuk mengekalkan identiti penjajah Inggeris.
  - B Untuk menjamin ramai orang yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.
  - C Untuk mengantarabangsakan sistem pendidikan negara.
  - D Supaya boleh membaca buku-buku terbitan dalam Bahasa Inggeris.
- 75 Antara penekanan Akta Pendidikan 1996 ialah mengenai pendidikan di peringkat TADIKA. Antara yang berikut yang manakah benar?
- A Semua kelas prasekolah hendaklah mengikut kurikulum yang standard.
  - B Semua guru prasekolah hendaklah mereka yang memiliki kelayakan akademik minimum.
  - C Semua guru peringkat prasekolah hendaklah menjalani latihan khas mengenai pendidikan prasekolah.
  - D semua kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga empat tahun diwajibkan menghadiri pendidikan prasekolah.
- 76 Dalam jangka panjang pendidikan dihasratkan untuk membantu dalam usaha
- A memakmurkan rakyat dengan meningkatkan taraf hidup mereka.
  - B mengurangkan masalah sosial.
  - C melahirkan modal insan yang berketrampilan dan kompeten.
  - D memelihara kemerdekaan dan kedaulatan.
- 77 Berikut adalah syor-syor dalam Akta Pendidikan 1995 kecuali
- A memperkenalkan program latihan guru ke peringkat diploma dan ijazah
  - B menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional ke Sekolah Menengah Teknik
  - C memansuhkan Lembaga Pengurusan Sekolah di semua peringkat sekolah
  - D mewajibkan semua TADIKA mengikut garis panduan kurikulum prasekolah



- 78 Manakah antara berikut merupakan matlamat utama kajian Jawatankuasa Kabinet 1974
- A Mengkaji kesesuaian sistem persekolah.
  - B Menilai pelaksanaan Dasar Pelaksanaan Kebangsaan.
  - C Mengkaji kurikulum dan memberi syor-syor yang berkaitan.
  - D Membuat cadangan untuk pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.
- 79 Ciri-ciri Kurikulum Kebangsaan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (peraturan-peraturan kurikulum kebangsaan)
- i kurikulum dan kegiatan kokurikulum.
  - ii mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan.
  - iii penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.
  - iv membantu perkembangan seorang murid dari segi jasmani, emosi, mental dan rohani.
- A i, ii dan iii
  - B i, ii dan iv
  - C i, iii dan iv
  - D ii, iii dan iv
- 80 Manakah antara berikut bukan ciri-ciri Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)?
- A Penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai
  - B Penguasaan pengetahuan dan kemahiran murid berasaskan 3 M
  - C Pemupukan kepimpinan dan sahsiah melalui kurikulum dan kokurikulum
  - D Pengabungjalinan kemahiran bahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi
- 81 Manakah antara berikut bukan ciri-ciri wawasan pendidikan dalam mencapai Wawasan 2020
- A Memperbaiki program kokurikulum sedia ada.
  - B Membaiki penguasaan kemahiran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains & Matematik.
  - C Pendidikan wajib bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga 21 tahun.
  - D Bidang pengajian sekolah menengah dibahagikan kepada lima jenis iaitu sastera, sains, teknikal, agama, kemahiran & vokasional .
- 82 Intisari teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 ialah
- i membina negara bangsa.
  - ii membangunkan modal insan.
  - iii memartabatkan profesion perguruan.
  - iv merapatkan jurang ekonomi masyarakat.
- A i, ii dan iii
  - B i, ii dan iv
  - C i, iii dan iv
  - D ii, iii dan iv

- 83 Apakah matlamat utama yang ingin dicapai dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 ?
- A Merapatkan jurang pendidikan.
  - B Memperkasakan sekolah kebangsaan.
  - C Pendidikan berkualiti untuk semua rakyat.
  - D Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.
- 84 Dalam seksyen 21 Akta Pendidikan 1996 tujuan utama memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menubuhkan dan menyenggara tadika ialah
- A mengadakan kemudahan infrastruktur dan kurikulum prasekolah .
  - B menyeragamkan pelaksanaan kemudahan prasekolah bagi masyarakat luar bandar.
  - C membolehkan kemudahan prasekolah di naiktaraf mengikut Akta Pendidikan 1996 .
  - D mengadakan kemudahan prasekolah kepada kanak-kanak khususnya masyarakat luar bandar dan berpendapatan rendah.
- 85 Akta Pendidikan Pendidikan 1996 merupakan lanjutan dan pembaharuan dari Akta Pelajaran 1961 bertujuan
- A memperkasakan sistem pendidikan bertaraf dunia.
  - B memastikan sistem pendidikan di tambah baik dan lebih relevan.
  - C memperuntukan enakmen kuasa-kuasa menteri dalam sistem pendidikan.
  - D untuk memperluaskan skop dan memperkenalkan perundangan mengenai pendidikan.
- 86 Akta Pendidikan Pendidikan 1996 juga dikenali sebagai
- A Akta 505.
  - B Akta 550.
  - C Akta 552.
  - D Akta 560.
- 87 Berapakah bahagian yang terdapat dalam Akta Pendidikan Pendidikan 1996
- A 12.
  - B 14.
  - C 16.
  - D 18.
- 88 Akta Pendidikan Pendidikan 1996 ini berpaksi kepada perakuan-perakuan utama
- A Laporan Razak.
  - B Laporan Mahathir.
  - C Laporan Hussien Onn.
  - D Laporan Rahman Talib.

- 89 Bahasa Inggeris adalah diwajibkan di semua sekolah kerana kepentingannya dalam pendidikan tinggi dan perdagangan dan juga hal- ehwal antarabangsa. Peringkat penguasaan bahasa Inggeris yang tinggi menjadi sasaran sistem pendidikan. Masa mengajar bahasa Inggeris ditambah dan guru-guru diberi latihan untuk hasil yang baik. Bahasa Inggeris terus menjadi bahasa kedua.

Penyataan di atas merupakan ;

- A Laporan Razak.
- B Laporan Mahathir.
- C Laporan Hussien Onn.
- D Laporan Rahman Talib.

- 90 Pernyataan berikut adalah adalah asas utama dalam mencapai perpaduan negara menurut Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1965)

- i Pendidikan percuma bagi semua.
- ii Sistem persekolahan yang sama bagi semua.
- iii Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua peringkat persekolahan.
- iv Kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama kandungan dan bercorak kebangsaan.

- A i , iii dan iv
- B ii, iii dan iv
- C i, ii dan iii
- D i , ii , iii dan iv

- 91 Berapakah jumlah sekysen yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1996

- A 146
- B 156
- C 164
- D 165

- 92 Semua pernyataan di bawah mengenai kepentingan Akta Pelajaran 1996 kecuali

- A Memantapkan sistem pendidikan negara
- B Berpaksakan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- C Menekan kepada kepentingan perpaduan dalam sistem pendidikan
- D Menekan perkembangan murid dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

- 93 Cabaran terpenting dalam profession perguruan pada hari ini ialah

- A Melaksanakan kurikulum di sekolah
- B Membawa kepada tingkah laku yang diingini
- C Membantu murid-murid mencapai pencapaian yang tinggi
- D Memerlukan guru sentiasa bergerak bersama perubahan dan inovasi

- 94 Keseimbangan sistem sosial di sekolah adalah melalui peranan
- A guru, murid dan ibu bapa
  - B semua kakitangan sekolah
  - C guru, tukang kebun dan ibu bapa
  - D guru besar, kerani, guru dan peraturan sekolah
- 95 Guru cemerlang mula di perkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mulai tahun
- A 1992
  - B 1993
  - C 1994
  - D 1995
- 96 Berikut ialah ciri-ciri guru cemerlang kecuali
- A mengurus sistem peperiksaan dengan baik.
  - B peka terhadap perubahan organisasi dan sekolah.
  - C mahir dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
  - D menyumbang kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.
- 97 Antara berikut ciri-ciri guru alaf baru kecuali
- i kreatif dan inovatif
  - ii mengalakkan pelajar cemerlang
  - iii penyubur sahsiah pelajar di bilik darjah
  - iv mempraktikan teknik dan strategi pengajaran berkesan
- A i dan ii
  - B ii dan iii
  - C i , ii dan iii
  - D i, ii, iii dan iv
- 98 Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) mula dilaksanakan pada tahun
- A 1998
  - B 1999
  - C 2000
  - D 2001

- 99 Berikut ganjaran dan kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mengangkat profesion perguruan
- i pengetua cemerlang
  - ii guru cemerlang
  - iii skim gred diploma
  - iv hadiah dan ganjaran
- A i , iii dan iv  
B ii, iii dan iv  
C i, iii dan iii  
D ii dan iv
- 100 Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengawal pelaksanaan sistem pendidikan kerana ianya
- A bertepatan dengan kehendak negara.
  - B menjurus kepada pencapaian Wawasan 2020.
  - C menjadi kerangka kepada hasrat pembinaan negara.
  - D segala sumbernya berfokus untuk mencapai cita-cita negara.